



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' SURIANI BT DATO' AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP)**

**SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI, KREATIVITI DAN INTEGRITI
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) TAHUN 2022**

TARIKH : 09 NOVEMBER (JUMAAT)

MASA : 8.00 MALAM

TEMPAT : EASTIN HOTEL, KUALA LUMPUR

SALUTASI

YANG BERBAHAGIA DATUK WIRA (DR.) ROSLI MAT HASSAN

Pengerusi Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI ZAMRI BIN SALLEH

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi merangkap Ahli Lembaga Pengarah IKMa

YANG BERBAHAGIA DATUK MOHD ALI BIN MANSOR

Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH IKMa

YANG BERUSAHA EN. AZIZUL BIN ALIAS

Setiausaha Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil KUSKOP

YANG BERUSAHA EN. MOHD ZAIB BIN MAT YUNUS

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan

YANG BERUSAHA PUAN HAMIDAH BT MOHD JOS

Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan

Pengarah-pengarah Kanan, Pengarah-pengarah serta warga kerja Institut Koperasi Malaysia yang dihormati sekalian...

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarokatuh dan salam sejahtera...

PENDAHULUAN

1. Awal kalam, saya mengajak para hadirin sekalian untuk bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun, di **Majlis Sambutan Hari Inovasi, Kreativiti dan Integriti Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi tahun 2022.**

2. Sekalung penghargaan saya zahirkan setulus hati, kepada pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa) di atas kesudian menjemput saya untuk hadir dan seterusnya diberi penghormatan untuk menyampaikan anugerah kepada penerima-penerima yang telah menunjukkan kecemerlangan yang tinggi dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan serta tidak lupa juga kepada bakal pemenang pertandingan inovasi yang dianjurkan di peringkat IKMa. Sesungguhnya saya merasa amat bertuah kerana dapat bersama warga IKMa yang merupakan tulang belakang kepada gerakan koperasi di negara ini.

Hadirin yang saya muliakan,

3. Perkhidmatan awam memainkan peranan penting dalam menggalas tanggungjawab untuk merealisasikan agenda pembangunan negara melalui program-program utama yang digariskan oleh Kerajaan. Ini bererti warga kerja yang komited, amanah dan bertanggungjawab menjadi penentu kepada sistem penyampaian yang cemerlang. Dengan kata lain, penjawat awam adalah benteng dan tulang belakang Kerajaan, dan harus bekerja dengan penuh dedikasi dan penuh komitmen, agar rakyat khususnya gerakan koperasi mendapat manfaat yang dihasratkan.

Hadirin dewan yang dimuliakan sekalian,

4. Kita baharu sahaja dimaklumkan pembentukan kabinet dan juga telah menerima Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang baharu iaitu Yang Berhormat Datuk Ewon Benedick. Jadi, saya menyeru semua kakitangan kementerian dan agensi memberi sepenuh kerjasama dalam menyokong dan meneruskan agenda pembangunan usahawan dan koperasi bersama-sama YB Menteri.

5. Menerusi ucapan YAB Perdana Menteri, Dato Seri Anwar bin Ibrahim semasa perjumpaan pertamanya bersama warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya pada 24 November 2022 yang lalu, meminta penjawat awam bekerjasama dengan kepimpinan kerajaan bagi membawa perubahan agar negara kembali ke zaman kegemilangannya. Beliau turut menekankan agar penjawat awam perlu membawa semangat islah iaitu perubahan ke arah kebaikan demi negara. Agenda reformasi adalah satu permulaan baik dalam agenda pembangunan negara.

Hadirin sekalian,

6. Penganjuran sambutan Hari Inovasi Kreativiti dan Inovasi ini merupakan komitmen dan inisiatif murni Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensi di bawah Kementerian bagi menyemai dan memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga kerja kementerian dan juga agensi. Selain itu, sambutan ini juga bertujuan untuk memberi pengiktirafan serta penghargaan kepada mereka yang berjaya menghasilkan inovasi yang signifikan serta memberi impak yang besar kepada perkembangan dan

kemajuan organisasi merangkumi aspek teknikal demi menghasilkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat khususnya gerakan koperasi.

ANUGERAH KETUA PENGARAH DAN ANUGERAH KHIDMAT SETIA BAKTI

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Pada hari ini juga kita akan meraikan Penerima Anugerah Ketua Pengarah di mana saya difahamkan anugerah ini diberikan kepada kakitangan yang memperoleh markah prestasi melebihi 85% dan telah mempamerkan budaya kerja cemerlang sepanjang tahun.

8. Selain itu, malam ini juga akan menyaksikan barisan penerima Anugerah Khidmat Setia Berjasa (AKSB) yang diberikan kepada kakitangan yang telah berkhidmat melebihi 10,15,20 dan 25 tahun sebagai menghargai jasa, bakti dan kesetiaan mereka berkhidmat di IKMa.

PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KREATIVITI

Hadirin hadirat sekalian,

9. Malam ini akan menjadi saksi kepada pengiktirafan IKMa ke atas mereka yang dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ketua Pengarah, Anugerah Khidmat Setia Berjasa, Penerima anugerah penghargaan dan inovasi 2022 dan pemenang Pertandingan Inovasi dan Kreativiti.

Penghargaan Inovasi dan Kreativiti 2022

- i. Penghargaan Khas Pencapaian Pembangunan Modal Insan
- ii. Penghargaan Kecemerlangan PMI (Zon, Pusat, Sektor)
- iii. Penghargaan KHAS (Bahagian)
- iv. Penghargaan Keyboard Emas (SUK)
- v. Penghargaan Pasukan Penyelidik (3 tahun ke belakang - 2019,2020,2021)
- vi. Penghargaan Pena Koperasi
- vii. Penghargaan Bagi Unit Terbaik
- viii. Penghargaan Persatuan Dalaman IKMa (KSS, BAKIM & PUSPANITA & KOPERASI)
- ix. Penghargaan Champion KM
- x. Penghargaan Peminjam Buku Terbanyak

Pertandingan Inovasi dan Kreativiti 2022

- i. Pertandingan Idea Kreatif
- ii. Pertandingan Inovasi
- iii. Pertandingan Fotografi (Individu)
- iv. Pertandingan Video Pendek
- v. Pertandingan Ulasan Buku Terbaik
- vi. Pertandingan Khidmat Kaunter Terbaik

10. Inovasi bukan sahaja berperanan sebagai langkah kreatif untuk menyelesaikan masalah, malah cetusan idea yang kreatif dan inovatif mampu melonjakkan pencapaian sesebuah negara ke tahap yang lebih cemerlang dan terus kekal berdaya saing dan relevan dalam arus kepesatan globalisasi.

11. Saya sekali lagi ingin mengingatkan seluruh warga IKMa agar tidak jemu untuk terus berinovasi dan mencari idea-idea baru dalam menyampaikan perkhidmatan dengan cemerlang. Saya amat berbangga di atas komitmen yang ditunjukkan oleh semua warga IKMa dalam meningkat kualiti penyampaian perkhidmatan menerusi inovasi – inovasi yang dilaksanakan.

PELAN ANTI RASUAH IKMA (PARA-IKMA 2022-2026)

Tuan-tuan puan-puan hadirin sekalian,

12. Pada malam ini juga saya turut diberi penghormatan untuk melancarkan OACP (Pelan Anti Rasuah Organisasi) atau dikenali sebagai Para-IKMa yang merupakan dokumen antirasuah di peringkat IKMa bagi menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan anti rasuah dalam IKMa. Pelan Anti Rasuah IKMa atau Para-IKMa 2022-2026 dibangunkan selaras dengan kehendak kerajaan yang telah dinyatakan dalam Pelan Anti Rasuah Kebangsaan (NACP), berdasarkan inisiatif mandatori di bawah strategi 2: memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dalam sektor awam.

13. PARA-IKMa 2022-2026 yang dibangunkan bagi jangka masa 5 tahun ini bertujuan untuk memastikan warga IKMa mendukung aspirasi

dan agenda nasional kerajaan dalam membanteras perilaku gejala rasuah dan pelanggaran integriti. Integriti merupakan kualiti asas yang perlu ada dalam jiwa setiap individu. Keruntuhan nilai integriti dalam kalangan penjawat awam akan menjejaskan imej dan keyakinan masyarakat terhadap agensi awam.

14. Semoga setiap inisiatif yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan tadbir urus dan pemerkasaan pencegahan rasuah. Untuk mencapai kejayaan pelaksanaannya maka aspek-aspek seperti pengukuhan nilai-nilai integriti, penambahbaikan sistem penyampaian selaras dengan keperluan teknologi semasa, perubahan dasar, pemantauan dan pemantapan modal insan perlu diberi perhatian serius.

PENUTUP

15. Sebelum mengakhiri ucapan, kepada para penerima anugerah dan pemenang, saya berharap pengiktirafan dan penghargaan ini akan menyemarakkan lagi usaha tuan-tuan dan puan-puan untuk menjadi contoh 'insan kamil' yang bersahsiah murni, kompeten dan komited dalam menggalas amanah dan tanggung jawab. Tahniah dan Syabas saya ucapkan. Saya juga berharap agar penghargaan ini dalam menjadi pembakar semangat kepada seluruh warga kerja IKMa untuk terus mengamalkan budaya kerja yang cemerlang, demi kepentingan jabatan dan gerakan koperasi di negara ini.

16. Akhir kata, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak urus setia majlis di bawah kepimpinan YBhg. Datuk Mohd Ali Bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, kerana berjaya menganjurkan majlis pada malam ini.

17. Dengan lafaz Bismillahirohmannirahim, saya dengan ini, merasmikan Majlis Sambutan Hari Inovasi, Kreativiti dan Integriti Insititut Koperasi Malaysia (IKMa).

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima kasih.